

CADANGAN KEPERLUAN BAJET PEMBANGUNAN NEGERI BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11) JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KELANTAN



CADANGAN KEPERLUAN BAJET PEMBANGUNAN NEGERI BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11) JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KELANTAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kertas Cadangan Keperluan Bajet Pembangunan Negeri Bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan ini merupakan perancangan Jabatan ini dalam rangka membantu pembangunan industri ternakan di negeri Kelantan untuk dilaksanakan di sepanjang tempoh tahun 2016 hingga 2020.

Perancangan ini lahir ekoran dari kajian ke atas impak perbelanjaan peruntukan pembangunan negeri bagi tempoh Rancangan Malaysia KeSepuluh yang dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2015. Sebahagian dari cadangan projek yang dicadangkan merupakan projek sambungan dengan beberapa modifikasi daripada projek asal, manakala terdapat juga beberapa cadangan projek baru, sesuai dengan perkembangan semasa industri ternakan, disamping mengambilkira golongan sasaran yang terlibat serta kehendak dasar dan objektif yang digariskan di dalam Dasar Bertani Satu Ibadah serta Pelan Strategik Pertanian Negeri Kelantan ke arah menjadikan negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara.

Sebanyak RM 39.01 Juta peruntukan pembangunan merangkumi RM 28.36 juta untuk projek sambungan dan RM 10.65 juta untuk projek baru yang dicadangkan diperlukan bagi menjayakan pelbagai aktiviti di bawah sub-sektor penternakan yang disenaraikan di dalam perancangan lima tahun ini.



Projek lembu kacukan meghasilkan produktiviti yang tinggi kepada pengeluaran daging tempatan

Asas dalam penyediaan kertas-kertas cadangan ini ialah impak serta *outcome* yang diperolehi dari pelaksanaannya seperti manfaat kepada pelbagai golongan sasaran seperti petani atau penternak berskala kecil dan sederhana, golongan usahawan belia yang bakal mewarisi kelangsungan industri penternakan dan industri asas penternakan serta juga golongan wanita dan amalah yang kesemuanya dikenalpasti sebagai kumpulan sasaran di dalam Dasar Bertani Satu Ibadah serta juga Pelan Strategik Pertanian Negeri Kelantan.

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI UNTUK RMK-11(2016-2020)

1. CADANGAN PERUNTUKAN YANG DIPOHON (Projek Sambungan)

BIL	KOD OBJEK	PROJEK	JUMLAH	2016	2017	2018	2019	2020
1	26001	Induk-Anak	2,765,000	553,000	553,000	553,000	553,000	553,000
2	26003	Kambing/Bebiri	1,250,000	250,000	250,000	250,000	250,000	250,000
3	26004	Ranc. Pembakaan	3,166,000	730,000	614,000	604,000	614,000	604,000
4	26005	Ran Perintis Rusa	1,990,000	398,000	398,000	398,000	398,000	398,000
5	26006	Ran Pemb Pusat Veterinar & Promosi	1,000,000	200,000	200,000	200,000	200,000	200,000
6	26007	Ran Perkemb. Perusahaan Pedaging	9,680,000	1,920,000	2,000,000	1,920,000	1,920,000	1,920,000
7	26008	Ran Pemb Pdg Ragut	1,660,000	740,000	230,000	230,000	230,000	230,000
8	26009	Ran Pemb. IAT	400,000	80,000	80,000	80,000	80,000	80,000
9	26010	Prog Kebajikan Haiwan	805,000	185,000	155,000	155,000	155,000	155,000
10	26011	Pemb Biotek	1,405,000	375,000	255,000	245,000	285,000	245,000
11	26012	Prog Kawalan Penyakit	700,000	140,000	140,000	140,000	140,000	140,000
12	26013	Prog Pemb Sumber Manusia	1,286,000	261,200	331,200	231,200	231,200	231,200
13	26014	Projek D'Raja	0	0	0	0	0	0
14	2112	Ran Perkemb Perusahaan Tenusu	2,250,000	450,000	450,000	450,000	450,000	450,000
JUMLAH			28,357,000	6,282,200	5,656,200	5,456,200	5,506,200	5,456,200

2. CADANGAN PERUNTUKAN UNTUK PROJEK BARU

BIL	KOD OBJEK	PROJEK	JUMLAH	2016	2017	2018	2019	2020
1	Proj. 1	Hospital Veterinar	2,000,000	1,000,000	350,000	350,000	150,000	150,000
2	Proj. 2	Pusat Perkhid Pemiabkakaan	1,880,000	850,000	290,000	280,000	230,000	230,000
3	Proj. 3	Pusat Perkhid Kesihatan & Pemiakan	1,500,000	300,000	300,000	300,000	300,000	300,000
4	Proj. 4	Agropelancongan Rong Chenok	3,000,000	800,000	550,000	550,000	550,000	550,000
5	Proj. 5	Proj Pembangunan Industri Unggas	930,000	450,000	120,000	120,000	120,000	120,000
6	Proj. 6	Proj. Pemb Lembah Puyuh Tanah Merah	670,000	430,000	60,000	60,000	60,000	60,000
7	Proj. 7	Zon Jualan Daging	460,000	92,000	92,000	92,000	92,000	92,000
8	Proj. 8	Pusat Latihan Biotek	213,500	110,700	25,700	25,700	25,700	25,700
JUMLAH			10,653,500	4,032,700	1,787,700	1,777,700	1,527,700	1,527,700

3. PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (projek Sambungan)

CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016 - 2020)

P26-26001 : RANCANGAN OPERASI INDUK-ANAK (Projek Sambungan)
SKOP : PEMBELIAN INDUK UNTUK PEMBIAKAN LEMBU PEDAGING KACUKAN SECARA BRIDLOT

1.0 LATARBELAKANG

Program Pemiakan Lembu Pedaging Kacukan Secara Bridlot ini merupakan cadangan aktiviti di bawah Rancangan Operasi Induk-Anak yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Veterinar di bawah Peruntukan Pembangunan P26 : 26001. Sebelum ini, Peruntukan P26 : 26001 (Rancangan Operasi Induk-Anak) digunakan untuk pembelian induk-induk lembu baka tempatan untuk diagihkan secara pawah kepada penternak.



YB EXCO memasang Rfid kepada lembu pawah projek `Bridlot` di kg.Bendang Pak Yong,Tumpat

Bagaimanapun melalui Program Pemiakan Lembu Pedaging Kacukan Secara Bridlot ini, kerajaan akan membeli induk-induk lembu kacukan yang bermutu tinggi untuk dikembangkan di kalangan penternak yang berpotensi menggunakan konsep pawah sebagaimana lazim.

Keutamaan projek ini adalah untuk mewujudkan peluang perniagaan tani di kalangan penternak khususnya golongan belia yang berpotensi. Projek ini akan melibatkan perkongsian pintar antara Kerajaan dengan peserta dimana kedua-dua pihak mempunyai komitmen masing-masing dalam menjayakan projek ini. Melalui projek ini, Kerajaan akan menyediakan sumbangan modal berupa baka ternakan, manakala peserta perlu menyediakan prasarana kandang dengan masing-masing nisbah modal 80% : 20%.



Induk dan anak lembu kacukan dibawah projek `Bridlot'

'Bridlot' untuk pembiakbakaan lembu pedaging kacukan di sini bermaksud perusahaan menternak induk-induk lembu baka kacukan yang bermutu tinggi yang memenuhi keperluan amalan perladangan yang baik (Good Animal Husbandry Practices), dengan pembiakan diamalkan secara permanian beradas dimana induk-induk dipelihara secara separa kurungan atau semi-intensif dan sumber bahan hijau seperti rumput dan sisa pertanian yang dirawat dijadikan sebagai bahan makanan utama.

Projek ini merupakan perancangan jangka panjang untuk membangunkan sumber genetik lembu di negeri Kelantan bagi menghasilkan sebanyak mungkin bekalan induk-induk lembu pedaging dari generasi F1 kacukan Charolais-KK yang berkualiti bagi membantu meningkatkan pengeluaran daging dalam negeri, sejajar dengan slogan Bertani Satu Ibadah serta Plan Strategik Pertanian Negeri Kelantan ke arah menjadikan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara . Bagi tujuan ini, induk-induk dari baka Kedah-Kelantan yang dikacuk dengan baka Charolais (melalui kaedah permanian beradas) akan dijadikan sebagai asas dalam membangunkan sumber genetik ternakan yang terlibat.



Kandang , infra dan lanatam asas projek` Bridlot'

Melalui projek ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan akan membuat pembelian berstrategik dan mengagihkan induk-induk lembu baka kacukan Charolais-KK kepada peserta yang terpilih dan mampu mengembangkan projek mereka secara pawah,

manakala peserta akan bertanggungjawab menyediakan premis atau prasarana, memelihara dan membiak induk-induk tersebut dengan kos sendiri.

Peserta terikat dengan perjanjian pawah dimana mereka dikehendaki menyerah balik seekor anak lembu kacukan betina yang berkualiti bagi setiap induk yang diterima bagi membolehkan perjanjian tadi ditamatkan, serta membolehkan projek tersebut dapat dikembangkan kepada penternak lain.

Melalui projek ini juga, sebanyak RM 2.765 juta diperlukan dari Kerajaan untuk tujuan pembelian induk-induk lembu dan juga pembelian ubat-ubatan dan peralatan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 5 tahun.

Dengan agihan sebanyak 100 ekor induk setahun selama 5 tahun, pada akhir tahun yang kesepuluh pelaksanaan projek ini, Insya Allah jumlah induk yang produktif yang berada di tangan-tangan penternak akan berkembang sehingga 1,400 ekor.

2.0.PROJEK

2.1.JANGKAMASA DAN LOKASI PELAKSANAAN PROJEK

Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di semua jajahan di seluruh negeri Kelantan, melibatkan 20 orang peserta setahun.

Jadual A : Jadual Pelaksanaan

Bil.	Jajahan	Bilangan Peserta Mengikut Tahun				
		2016	2017	2018	2019	2020
1	Tumpat	4	2	4	2	2
2	Bachok	4	2	4	2	2
3	Pasir Mas	2	4	2	2	2
4	Tanah Merah	2	2	2	2	2
5	Pasir Puteh	2	2	2	2	2
6	Kota Bharu	2	2	2	2	2
7	Kuala Krai	2		2	2	2
8	Jeli		2		2	2
9	Gua Musang	1	2		2	2
10	Machang	1	2	2	2	2
	Jumlah	20	20	20	20	20




Lembu kacukan Charolais dari Kelantan beraksi di MAHA

STRATEGI PROGRAM

Bagi menjayakan perancangan ini, beberapa langkah strategik perlu diambil :

- i. Penternak lembu kacukan yang sedia ada, terutamanya dari golongan belia dan berpotensi untuk dibangunkan perlu dilibatkan sebagai pemain utama.
- ii. Jajahan Bachok yang kini menjadi peneraju dalam pengeluaran lembu-lembu kacukan yang bermutu dipilih sebagai permulaan, diikuti oleh jajahan Tumpat serta lain-lain jajahan setelah projek ini mula menunjukkan kejayaan.
- iii. Pelaksanaan projek dibuat secara konsep pawah dengan setiap peserta yang terpilih menerima 5 ekor induk lembu kacukan sebagai tambahan kepada induk mereka yang sedia ada.
- iv. Kerjasama diantara agensi-agensi pertanian perlu diaktifkan bagi membolehkan perancangan guna tanah secara bersepadu dapat dijalankan disamping menggunakan bahan sisa pertanian secara optimum bagi tujuan pengeluaran makanan ternakan.
- v. Menggalakkan amalan tanaman kontang seperti jagung dan sebagainya yang menghasilkan produk sampingan untuk dijadikan sumber makanan ternakan.
- vi. Teknologi bio terkini dalam penghasilan makanan yang berkualiti serta mesra alam digunakan dalam meningkatkan efisiensi ladang.
- vii. Mewujudkan kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan projek seperti penternak, petani, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan sebagainya.
- viii. Penggunaan sumber makanan komersial hanya di peringkat minimum dan hanya jika perlu.
- ix. Pembiakan 100 peratus adalah secara permanian beradas.
- x. Induk kacukan baka Charolais-KK dijadikan asas untuk pembiakan.
- xi. Amalan perladangan yang baik (GAHP) dijadikan keutamaan dalam pelaksanaan projek.

Rajah 1 : RAJAH KONSEP PROJEK 'BRIDLOT' LEMBU PEDAGING



1.1. FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG DAN MASALAH-MASALAH LAIN YANG MUNGKIN DIHADAPI SEMASA PELAKSANAAN PROJEK

i. Kekurangan Induk Yang Berkualiti Untuk Pembiakan



Induk lembu kacukan yang berkualiti hasil dari pembiakan secara Permanian beradas

Berdasarkan perkembangan semasa populasi lembu pedaging kacukan di negeri ini, menjelang tahun 2015, kadar induk kacukan dalam populasi dijangka hanya mencapai tahap 7 peratus sahaja, sedangkan objektif Pelan Strategik Pembangunan Pedaging Negeri Kelantan meletakkan angka 20 peratus yang perlu dicapai. Diantara punca yang dikesan ialah berlakunya penjualan induk-induk kacukan keluar negeri disebabkan permintaan yang tinggi. Dengan wujudnya projek ini, kerajaan mempunyai dana untuk membeli induk-induk berkualiti yang dikeluarkan oleh penternak dan seterusnya dikembangbiak di dalam negeri ini.

ii. Cabaran Untuk Menjadikan Kelantan Dan Malaysia Bebas Penyakit Kuku Dan Mulut Menjelang Tahun 2016.

Ancaman wabak penyakit kuku dan mulut boleh merencatkan perkembangan industri penternakan lembu pedaging dan seterusnya menghambat pencapaian Pelan Strategik Pertanian Negeri Kelantan serta dasar untuk menjadikan negeri ini sebagai Jelapang Makanan Negara. Bagaimanapun, dengan pelaksanaan program kesihatan secara sistematik serta langkah-langkah penguatkuasaan kawalan pergerakan ternakan akan membantu kerajaan untuk mencapai sasaran di atas.

iii. Tahap Efisiensi Yang Masih Perlu Ditingkatkan

Tahap efisiensi pengurusan pembiakan lembu pedaging di negeri ini masih boleh ditingkatkan lagi. Peningkatan kadar kelahiran, pengurangan kadar kematian dan penambahbaikan kadar tumbesaran adalah diantara aspek-aspek yang perlu diberi perhatian. Melalui amalan perladangan yang baik yang diterapkan oleh pihak DVS, produktiviti ladang akan dapat ditingkatkan.

iv. Persaingan Guna Tanah Pertanian

Persaingan guna tanah untuk pelbagai aktiviti pertanian dan juga pembangunan menjadikan kawasan yang sesuai untuk penternak semakin terhad. Untuk itu, sistem penternakan ke arah

lebih intensif (secara bridlot) perlu diperkembangkan dengan menggunakan bahan-bahan sampingan pertanian sebagai sumber makanan untuk lembu-lembu peliharaan.

v. Peningkatan Kos Pengeluaran

Penggantungan kepada makanan komersial yang dijamin oleh kebanyakan penternak lembu kacukan menyebabkan kos pengeluaran kian meningkat. Melalui pelaksanaan projek ini, bahan hijau yang sedia ada dari aktiviti pertanian akan dimanfaatkan dengan sebaik mungkin, melalui penggunaan teknologi bio untuk menghasilkan sumber makanan yang bermutu.

vi. Sumber Bahan Hijau Semulajadi Yang Perlu Dioptimumkan



Penyediaan silaj secara manual sebagai simpanan makan diwaktu kecemasan

Masih terdapat banyak sumber bahan hijau dari sisa pertanian yang boleh dimanfaatkan sebagai sumber makanan ternakan yang lebih murah dan bermutu yang belum dioptimumkan sepenuhnya

vii. Keperluan Modal Untuk Operasi Pada Skala Komersial

Modal yang besar bagi memulakan sesuatu projek ternakan pada skala besar masih menjadi kekangan di kalangan kebanyakan penternak. Untuk itu, projek ini mampu menggerakkan golongan penternak yang berpotensi untuk terlibat secara lebih aktif ke arah pengeluaran secara komersial di masa akan datang.

2.0.FAEDAH DAN PERIMUSTAHAKNYA PROJEK

2.1.OBJEKTIF PROJEK

- i. Untuk mewujudkan sistem pengeluaran lembu baka kacukan secara terancang menggunakan sumber dalam negeri yang sedia ada.
- ii. Untuk menggiatkan pengeluaran induk-induk bagi memenuhi keperluan semasa dalam bidangusaha pembiakan lembu-lembu kacukan
- iii. Untuk melahirkan golongan belia tani yang menjadikan bidangusaha pembiakan lembu kacukan secara 'bridlot' sebagai bidangusaha yang menguntungkan bagi meneruskan kelangsungan penternakan ruminan sebagai sumber penting kepada KDNK negeri Kelantan.

2.2.FAEDAH-FAEDAH PROJEK

- i. Projek ini mampu untuk menyumbang peningkatan nilai KDNK Negeri Kelantan secara purata sebanyak RM 0.36 juta setahun dalam bentuk pengeluaran daging dan juga baka-baka ternakan yang bermutu tinggi.
- ii. Dalam tempoh lima tahun, projek ini mampu untuk membimbing seramai seratus orang penternak, terutamanya golongan belia tani yang bakal menjadi pengeluar lembu-lembu kacukan yang berkualiti di negeri Kelantan.

iii. Dayamaju Projek

Berdasarkan unjuran aliran fizikal dan tunai, dalam tempoh 15 tahun, dayamaju projek ini adalah sebagaimana berikut :

Kadar Pulangan Dalaman – 29%

Kadar Kos Faedah – 1.13

(Rujuk kepada Lampiran A – Jadual Aliran Fizikal Dan Tunai Projek)

Secara purata pulangan bersih bagi setiap ekor induk lembu ialah sebanyak hampir RM 2,300 setahun.

1.0.ANGGARAN KOS

Bil.	Perkara	Anggaran Peruntukan (RM)					
		Jumlah	2016	2017	2018	2019	2020
1	Belian Induk Lembu Kacukan 100 ekor/tahun @ RM5,000.00/ekor	2,500,000	500,000	500,000	500,000	500,000	500,000
2	Belian Ubat-Ubatan dan Peralatan	250,000	50,000	50,000	50,000	50,000	50,000
3	Pembangunan Modal Insan	15,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
	Jumlah	2,765,000	553,000	553,000	553,000	553,000	553,000

CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016 - 2020)



P26-26003 : RANCANGAN PEMELIHARAN KAMBING / BEBIRI (Projek Sambungan)

SKOP : PEMBELIAN INDUK KAMBING DAN BEBIRI DAN PEMBELIAN PEJANTAN BAKA KAMBING DAN BEBIRI, UBAT-UBATAN DAN PERALATAN

1.0.KETERANGAN PROJEK

Program Pemeliharaan Kambing / Bebiri adalah merupakan program sokongan pembangunan ternakan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran daging kambing / bebiri secara ekonomik dan bercorak komersil untuk memenuhi keperluan tempatan dan kemungkinan untuk dieksport.

Sepertimana dilaksanakan dalam RMK-10 dan sebelumnya, projek ini dilaksaksakan dibawah ikatan perjanjian pawah dimana penternak-penternak dikehendakki memulangkan kepada Jabatan anak-anak yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya 6 bulan mengikut bilangan dan jantina baka induk yang telah diagihkan.



Projek kambing dibawah skim pawah jabatan

Penternak-penternak baru yang berminat serta memenuhi kriteria yang diperlukan akan akan dikenalpasti serta penternak penternak yang berdayamaju dan memiliki unit ternakan yang melebihi 50 ekor induk pembiak akan dikategorikan sebagai penternak komersil. Mereka akan terus dibimbing melalui latihan yang berkaitan agar pemindahan teknologi dapat dilaksanakan untuk kesinambungan teknik pengurusan yang lebih baik.

2. LATARBELAKANG PROJEK

Melalui pelaksanaan program ini, peserta peserta yang berpotensi akan memelihara diantara 10 - 50 ekor kambing / bebiri . Kawasan kawasan yang akan diberi tumpuan ialah kawasan tanah terbiar, dusun, tanaman getah dan kelapa sawit. Penternak penternak yang mempunyai kemudahan kandang dan kawasan tetapi tidak mampu untuk membeli ternakan kambing / bebiri akan di beri keutamaan di samping . Penternak baru dan sedia ada dimana mereka ini akan dimajukan dan ditingkatkan ketahap komersil. Kawasan kawasan yang akan ditumpukan ialah disetiap jajahan berdasarkan kepada kegiatan utama pertanian dan penggunaan tanah semasa dan tabiat semulajadi ternakan iaitu :

Kambing - di kawasan tanah terbiar, dusun yang telah matang dan kawasan tanaman selingan.

Bebiri - di ladang getah dan kelapa sawit yang berumur 2 tahun keatas, kebun kelapa dan dusun buah-buahan.

Ternakan akan diperolehi melalui penternak dan pembekal tempatan samada didalam atau diluar negeri.

Pemeliharaan secara semi-intensif akan diutamakan. Peserta akan digalakkan menanam pokok petai belalang serta memberi makanan tambahan seperti silaj, garam jilatan disamping makanan yang terdapat disekitar kawasan pemeliharaan.

3. MATALAMAT PROJEK

- 3.1. Meningkatkan pengeluaran daging kambing / bebiri secara ekonomik dan bercorak komersil supaya dapat menampung keperluan tempatan dan untuk di eksport.
- 3.2. Mewujudkan peluang memperolehi pendapatan samaada sebagai sumber utama atau sampingan.
- 3.3. Memaksimumkan penggunaan tanah melalui kaedah penternakan secara integrasi dengan tanaman kekal dan penggunaan tanah terbiar.

4. FAEDAH DAN PRIMUSTAHAKNYA PROJEK

- 4.1. Sebanyak 500 ekor bebiri yang akan diagihkan dalam RMK 11 akan menghasilkan sebanyak 2100 ekor yang boleh diagihkan dalam tahun berikutnya.
- 4.2. Sebanyak 400 ekor kambing yang akan diagihkan dalam RMK 11 akan menghasilkan sebanyak 1500 ekor yang boleh diagihkan dalam tahun berikutnya.
- 4.3. Bilangan peserta akan bertambah pada tiap-tiap tahun
- 4.4. Meningkatkan pengeluaran daging kambing dan bebiri secara ekonomik dan bercorak komersil supaya dapat menampung keperluan tempatan dan untuk dieksport dimasa akan datang.
- 4.5. Mewujudkan peluang memperolehi pendapatan samada sebagai sumber utama atau sampingan.
- 4.6. Memaksimumkan Penggunaan Tanah
 - Penternakan secara semi intensif yang diintegrasikan dengan tanaman utama akan terus diberi tumpuan disamping menternak dikawasan tanah terbiar.. Ianya akan dilaksanakan bercorak komersil supaya boleh dijadikan sumber pendapatan utama. Unit unit pengeluaran yang sistematrik dan ekonomik akan diwujudkan yang berasaskan kegiatan membiak-baik, menambah bilangan ternakan dan penggemukkan untuk daging.
 - Perkhidmatan sokongan untuk membantu dan menggalakkan perkembangan populasi dan perusahaan akan dilaksanakan. Perkhidmatan ini akan meliputi bidang kesihatan, pembiakkan dan pemilihan baka, pemakanan dan khidmat nasihat.

5 STRATEGI

Menambahkan pengeluaran ternakan ketahap yang lebih ekonomik berasaskan aktiviti pembiakbakaan, Penggunaan baka baka ternakan yang sesuai sebagai asas peningkatan populasi ternakan dengan corak pengurusan yang diamalkan

6. ANGGARAN KEPERLUAN KOS (2016 - 2020)

Sebanyak RM 1,242,500.00 adalah diperlukan untuk perlaksanaan projek ini dibawah RMK-11. Butiran lanjut sila rujuk kepada Jadual 1.

Pecahan Perbelanjaan adalah seperti berikut:

**CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RANCANGAN MALAYSIA
KE-11 (2016 - 2020)**



**P26-26004 : RANCANGAN PEMBAKAAN
(Projek Sambungan)**

**SKOP : PEMBELIAN BAKA PEJANTAN, PEMBELIAN SEMEN
BEKU, PEMBELIAN PERALATAN PEMBAKAAN
PERMANIAN BERADAS**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Populasi ternakan negara didapati semakin menurun sejak akhir-akhir ini. Statistik populasi ternakan yang dicatatkan pada tahun 2008 hingga 2013 menunjukkan penurunan yang ketara dari tahun ke tahun.
- 1.2 Selain populasi ternakan yang menurun, kualiti ternakan juga semakin merosot. Ini dapat dilihat menerusi saiz ternakan yang agak kecil dan penghasilan berat karkas yang rendah. Oleh itu, pendapatan penternak terjejas. Menjejaskan pengeluaran daging dan susu negara
- 1.3 Antara faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah:
 - a. Ketidakcekapan penyampaian perkhidmatan pembiakbakaan kepada penternak di lapangan.
 - b. Kekurangan kemudahan dan peralatan pembiakbakaan.
 - c. Tiada sistem pembiakan yang terancang dari segi kawalan dan pengawasan --*Inbreeding*
 - d. Kefahaman penternak terhadap kemahiran pengurusan pembiakbakaan ternakan yang rendah.
 - e. Kurang penerimaan penternak terhadap aplikasi teknologi pembiakbakaan ternakan.
 - f. Sistem pengrekodan dan identifikasi ternakan yang lemah
- 1.4 Hasrat negara adalah untuk mencapai kadar sara diri daging sebanyak 50% menjelang tahun 2020. Untuk mencapai hasrat tersebut, negara perlu meningkatkan kuantiti dan kualiti genetik ternakan sedia ada menerusi program-program pembiakan yang terancang.
- 1.5 Aplikasi teknologi pembiakan dan pembakaan di dalam sesuatu program pembiakan ternakan dilihat boleh membantu meningkatkan kadar kelahiran, kualiti genetik serta prestasi pembiakan ternakan. Ini termasuklah:



*Aplikasi teknologi Pembiakan secara Permanian
Beradas bagi meningkatkan kualiti ternakan*

- i) Program Permanian Beradas
- ii) Program Pemeriksaan Kebuntingan
- iii) Program Pemeriksaan Fertiliti Betina
- iv) Program Pemeriksaan Daya Biak Pejantan

1.6 Projek yang dicadangkan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan teknikal pembiakan dan pembakaan kepada para penternak ruminan negeri

ini ke arah meningkatkan bilangan populasi ternakan serta memperbaiki kualiti genetik ruminan negara.

1.7 Menerusi projek ini, lebih ramai jurusuntik permanian beradas daripada kalangan usahawan, penternak dan juga pegawai Jabatan akan dibangunkan bagi membantu di dalam perluasan penyampaian perkhidmatan permanian beradas kepada kumpulan sasaran. Oleh itu, program pembangunan kompetensi dan kursus teknikal dengan pelbagai modul perlu dilaksanakan.

1.8 Selain itu, bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan pembiakan di lapangan, pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang berkaitan akan dibuat di seluruh negeri. Antaranya menaiktaraf tempat penyimpanan semen beku di daerah-daerah serta perolehan bahan dan peralatan yang berkaitan untuk program pembiakan.

2. PROJEK/ SKOP PROJEK

- 2.1.1 Program pembiakan dan pembakaan ternakan ruminan.
- 2.1.2 Pengukuhan sistem e-Baka dan pengurusan maklumat pembiakan ternakan.
- 2.1.3 Program latihan / kursus teknologi pembiakan dan pembakaan kepada golongan sasaran dan pegawai teknikal Jabatan.
- 2.1.4 Insentif, inovasi dan promosi bagi menggalak dan mengembangkan bidang usaha penternak melalui aplikasi teknologi berkaitan pembiakan dan pembakaan ternakan.

KOMPONEN PROJEK

2.1.1 Program pembiakan dan pembakaan ternakan ruminan.

- a) Pembangunan dan menaiktaraf 10 lokasi bilik untuk penyimpanan semen, bahan - bahan dan peralatan pembiakbakaan di seluruh negeri
- b) Perolehan peralatan pembiakan, ubat-ubatan, hormon dan bahan kimia.
- c) Perolehan bahan genetik ternakan ruminan.
- d) Perolehan pejantan baka. (Skim pinjaman Baka).
- e) Perolehan kenderaan pacuan 4 roda.

2.1.2 Pengukuhan sistem e-Baka dan pengurusan maklumat pembiakbakaan ternakan.

- a) Menaiktaraf sistem e-Baka.
- b) perolehan perkakasan fotografi dan komputer.
- c) Perolehan tag dan bolus RFID.
- d) Promosi e-Baka dan kempen kesedaran pengurusan rekod
- perolehan peralatan dan bahan pameran.

2.1.3 Program latihan / kursus teknologi pembiakbakaan ternakan di dalam dan luar negara kepada golongan sasaran dan pegawai teknikal Jabatan.

- a) Kursus pernian beradas.
- b) Kursus pemindahan embrio.
- c) Kursus pemeriksaan kebuntingan.
- d) Kursus pemeriksaan daya biak pejantan.
- e) Kursus pemeriksaan fertiliti betina.
- f) Program perkongsian kepakaran teknikal dan pemindahan teknologi dengan pusat kecemerlangan pembiakan di dalam dan luar Negara yang meliputi pakej bayaran kepakaran yang berkaitan
- g) Perolehan peralatan dan bahan untuk bantuan mengajar.

2.1.4 Insentif, inovasi dan promosi bagi menggalak dan mengembangkan bidanusaha penternak melalui aplikasi teknologi berkaitan pembiakan dan pembakaan ternakan

- a) Insentif tunai / geran hadiah untuk pertandingan atau anugerah pembaka unggul dan jurusantik pernian beradas
- b) Perolehan peralatan dan bahan pameran, percetakan buku, risalah dan poster.

3. FAEDAH DAN PERIMUSTAHAKNYA PROJEK

3.1 OBJEKTIF

3.1.1 Objektif Program



Anak lembu kacukan yang berkualiti dihasilkan melalui program pembangunan sumber genetik baka baru

Untuk meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan ruminan tempatan bagi membolehkan industri ternakan mencapai dan memenuhi keperluan daging dan susu negara.

3.1.2 Objektif Projek

- a) Meningkatkan luas liputan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pernian beradas kepada menjelang tahun 2020.
- b) Meningkatkan kuantiti dan kualitiperkhidmatan pembiakan dan pembakaan kepada golongan sasaran.
- c) Meningkatkan populasi dan kualiti genetik ternakan ruminan melalui penggunaan bahan genetik yang berkualiti dan mencukupi.
- d) Meningkatkan kompetensi teknikal dan menambahkan bilangan tenaga mahir di dalam perkhidmatan pembiakbakaan di kalangan usahawan, penternak dan kakitangan Jabatan.
- e) Memperkukuhkan sistem e-Baka bagi tujuan pengrekodan dan pengurusan ternakan baka.

3.2 FAEDAH

(kepada penternak)

3.2.1 Meningkatkan kualiti genetik ternakan ruminan negara melalui aplikasi teknologi pembiakbakaan dan pemilihan baka.

3.2.2 Menambahkan populasi ternakan yang produktif.

3.2.3 Menambahkan pendapatan kepada penternak daripada hasil jualan ternakan yang berkualiti dan perkhidmatan pembiakan oleh DIY

3.2.4 Meningkatkan bilangan tenaga mahir dalam bidang pembiakan untuk memberikan perkhidmatan/konsultasi

3.3.2 OUTCOME PROJEK

- a) Dengan andaian kejayaan kebuntingan menerusi perkhidmatan pernianian beradas adalah 40%, sejumlah 30,000 anak ternakan ruminan kacukan akan dilahirkan menerusi program ini. Dijangka sebanyak 90 ribu metric tonne daging dihasilkan bernilai RM90.0 juta.
- b) Kualiti genetik ternakan ruminan negara akan meningkat melalui peningkatan kadar kelahiran, berat pasaran dan karkas, penghasilan susu dan nilai pasaran
- c) Lebih ramai tenaga mahir di dalam bidang pembiakan dan pembakaan diwujudkan daripada kalangan penternak serta kakitangan Jabatan bagi menyampaikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan berkualiti.
- d) Luas liputan perkhidmatan pernianian beradas akan meningkat sehingga 15% menjelang tahun 2020.

3.3.3 IMPAK PROGRAM / PROJEK

- a) Populasi ternakan baka negara meningkat.
- b) Kualiti genetik ternakan negara meningkat.
- c) Pengeluaran daging dan susu negara meningkat.
- d) Menambahkan pendapatan kepada penternak.

3.3.4. JUSTIFIKASI

- a) Menambah populasi ternakan ruminan di dalam negara yang mempunyai potensi genetik yang berkualiti untuk tujuan pembiakan.
- b) Meningkatkan produktiviti ladang melalui peningkatan kualiti genetik ternakan.
- c) Mewujudkan “genetic pool” yang luas serta berkualiti melalui penggunaan teknologi terkini dalam bidang pembiakan seperti pernianian beradas.
- d) Membangunkan sumber kepakaran dan meningkatkan bilangan tenaga manusia yang mampu memberikan perkhidmatan berkesan kepada penternak.
- e) Memantapkan sistem penyampaian dan penyimpanan maklumat berkaitan pembiakan supaya maklumat dapat digunakan untuk penilaian genetik dan perancangan di masa hadapan.



P26-26005 : RANCANGAN PERINTIS PEMELIHARAAN RUSA DAN ANEKA HAIWAN (Projek sambungan)

**SKOP : PENYELENGGARAAN LADANG, PEMBELIAN ANEKA TERNAKAN DAN
PEMBANGUNAN PAWAH RUSA**

1.0. LATAR BELAKANG

Rancangan perintis pemeliharaan rusa pawah adalah merupakan satu program jabatan dalam Industri pembangunan ternakan bertujuan untuk mengembangkan Industri penternakan rusa di Negeri Kelantan. Program ini secara tidak langsung mewujudkan jalan alternatif dalam perolehan sumber protein di Negeri Kelantan.



*Arwah YAB Tok Guru Menteri Besar Kelantan membelai rusa
sempena Majlis pelancaran Projek Pawah Rusa -7/04/ 2013*

Bagi RMK 10, pihak jabatan merancang untuk melakukan beberapa penambahbaikan bagi Projek Rusa pawah dimana projek sebelum ini dibawah kod P 26005 : Rancangan Perintis Pemeliharaan Rusa dan Aneka Haiwan sebanyak RM 200,000 yang mana RM 100,000 digunakan untuk perbelanjaan Projek Rusa Pawah Negeri Kelantan manakala baki digunakan untuk perbelanjaan projek asal (Rancangan Perintis Pemeliharaan Rusa dan Aneka Haiwan) manakala perutukan bagi kod

P26006: Rancangan Pembinaan Pusat Perkhidmatan Veterinar dan Promosi Hasil Ternakan sebanyak RM 100,000 diperuntukkan juga untuk Projek Perintis Pawah Rusa .

Bagi RMK 11, Jabatan ingin menyelaraskan peruntukan bagi Rancangan Projek Pawah Rusa diselaraskan dibawah satu kod iaitu dibawah kod P26005 dan digunakan sepenuhnya untuk pembelian ternakan hidup. Penambahbaikan ini bertujuan bagi menambah jumlah dan bilangan penternak untuk menyertai program ini. Melalui penambahbaikan ini penternak penternak yang mempunyai kemudahan kandang dan kawasan tetapi tidak mampu untuk membeli ternakan rusa akan di beri ke utamaan semasa proses pemilihan peserta.



YB EXCO Pertanian memberi makan kepada rusa sempena lawatan kerja ke Ladang rusa Rhong Chenok pada 05/04/2016

Projek ini bermula pada tahun 2013 , dengan jumlah peruntukan RM 200,000 yang melibatkan 10 orang peserta daripada 5 jajahan yang berlainan setiap tahun. Pelaksanaan projek adalah berkonsepkan sistem pawah, dimana peserta dikehendaki memulangkan semula kepada Kerajaan seekor rusa muda sama ada betina atau jantan yang sihat dan telah cukup umur setahun enam bulan bagi setiap ekor induk rusa betina yang diterima. Rusa muda betina yang dikembalikan ini akan diagihkan untuk tujuan pawah semula jika sesuai, manakala rusa jantan atau rusa betina yang tidak sesuai untuk pembiakan akan dijual untuk tujuan sembelihan dan hasilnya akan dimasukkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

Bagi projek tahun 2013 dan 2014, kadar kelahiran yang dicatakan adalah melebihi 75 % dengan kadar kematian hanya 3 %.

Pihak Jabatan, bertanggungjawab untuk menyediakan bekalan baka ternakan, menguruskan pembangunan komponen projek, memilih peserta, menguruskan rekod dan surat perjanjian dengan peserta dan membimbing mereka dengan menyediakan khidmat nasihat dan rawatan, disamping memantau perkembangan projek secara berkala.

2.0. PROJEK

Projek ini merupakan projek sambungan kepada projek perintis penternakan Rusa Pawah sediaada dimana bagi projek perintis penternakan rusa pawah dibawah peruntukan P26005 dan P26006 ia merangkumi peruntukan bagi bekalan infrastruktur ladang (keluasan kandang 20 x

20 kaki persegi), bangsal teduhan berukuran 8' x 10 ', bekas makanan dan minuman, serta tiang dan pintu yang melibatkan peruntukan sebanyak Rm 58,100.00.

Bagi RMK 11, pihak jabatan merancang untuk melakukan beberapa penambahbaikan bagi Projek Rusa pawah dimana peruntukan di bawah kod P26005 dan P26006 diselaraskan dibawah satu kod iaitu dibawah kod P26005 dan digunakan sepenuhnya untuk pembelian ternakan hidup. Projek ini akan melibatkan 15 orang peserta dari 5 jajahan setiap tahun dimana 3 peserta akan diipilih dari setiap jajahan. Projek ini memerlukan satu perolehan ternakan sebanyak 1 ekor rusa jantan dan 4 ekor rusa betina untuk setiap peserta yang terpilih. Jenis yang dicadangkan ialah rusa Timor (*Cervus timorensis*) yang telah terbukti mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran dan pengurusan ternakan di Malaysia.



Pn. Noor Shalila Ketua Unit Agronomi sedang memberi pellet kepada rusa di ladang Rhong Chenok.

Pelaksanaan projek adalah berkonsepkan sistem pawah dan Matching Grant, dimana peserta dikehendaki memulangkan semula kepada Kerajaan seekor rusa muda sama ada betina atau jantan yang sihat dan telah cukup umur setahun enam bulan bagi setiap ekor induk rusa betina yang diterima. Rusa muda betina yang dikembalikan ini akan diagihkan untuk tujuan pawah semula jika sesuai, manakala rusa jantan atau rusa betina yang tidak sesuai untuk pembiakan akan dijual untuk tujuan sembelihan dan hasilnya akan dimasukkan sebagai hasil Kerajaan Negeri. Selain itu melalui sistem Matching Grant peserta perlu menyumbang sebanyak 30% manakala Jabatan 70% daripada kos projek. Sumbangan daripada peserta meliputi penyediaan kandang dan bekalan infrastruktur bagi penternakan manakala jabatan membekalkan perolehan ternakan.

Program ini akan mengagihkan ternakan kepada penternak yang di dapati layak mendapat bantuan ternakan daripada kerajaan. Kriteria kriteria mereka yang layak akan digariskan dalam syarat kelayakan jabatan. Penternak diminta menandatangani satu surat perjanjian dengan kerajaan semasa penerimaan ternakan.

Surat perjanjian tersebut mengenakan syarat syarat yang perlu dipatuhi oleh kedua dua pihak. Penternak hendaklah memulangkan seekor anak samaada betina (1 tahun 6 bulan) atau jantan (1 tahun 4 bulan) kepada jabatan dan setelah itu surat perjanjian boleh ditamatkan dan penternak tidak lagi terikat dengan pihak kerajaan. Anak rusa yang di pulangkan akan dijual/lelong melalui akaun hasil ataupun akan diberi pawah semula kepada pemawah yang berkelayakan.

3.0. FAEDAH DAN PERMUSTAHAKNYA PROJEK

Antara matlamat menyambung semula program ini adalah dengan tujuan membantu penternak penternak kecil yang berpotensi mengembangkan perusahaan ternakan. Jabatan mengagihkan ternakan kepada penternak untuk dipelihara sebagai pinjaman (Kredit Ternakan) dengan cara ini kerajaan telah dapat mengurangkan kos pengurusan ternakan.



Projek Printis Pawah rusa DVS Kelantan

Perkembangan ternakan ini telah dapat dilihat dengan gandaan dan pembiakan ternakan yang telah diagihkan. Kerajaan juga dijangka dapat memungut hasil dari jualan ternakan yang telah dipulangkan oleh penternak. Selain itu, bilangan peserta yang bertambah pada tiap-tiap tahun akan meningkatkan bilangan penternak rusa seterusnya meningkatkan pengeluaran daging rusa secara ekonomik dan bercorak komersil supaya dapat menampung keperluan tempatan dan untuk dieksport dimasa akan datang. Di samping itu, ia juga dapat mewujudkan peluang pendapatan samada sebagai sumber utama atau sampingan. Perkhidmatan sokongan untuk membantu dan menggalakkan perkembangan populasi dan perusahaan akan dilaksanakan. Perkhidmatan ini akan meliputi bidang kesihatan, pembiakkan dan pemilihan baka, pemakanan dan khidmat nasihat dan sebagainya.

4.0. ANGGARAN KOS

Sebanyak RM 990,000.00 adalah diperlukan untuk perlaksanaan projek ini dibawah RM11. Pecahan Perbelanjaan adalah seperti berikut:



CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016 - 2020)

**P26-26007 : RANCANGAN PERKEMBANGAN PERUSAHAAN PEDAGING
(Projek Sambungan)**

**SKOP : PEMBELIAN INDUK LEMBU PAWAH DAN PEJANTAN
BAKA, PEMBELIAN
UBAT-UBATAN DAN PERALATAN**

1.PENDAHULUAN

Satu lagi proejek yang dilaksanakan untuk Meningkatkan kan pendapatan Penternakan Kecil dan atapun peserta di luar bidang Penternakan ke dalam bidang usaha penternakan disamping meningkatkan pengeluaran daging dalam Negeri dan berpotensi untuk eksport ialah Rancangan Perkembangan Perusahaan Pedaging.

2. LATARBELAKANG PROJEK

Rancangan Perkembangan Perusahaan Pedaging merupakan satu projek yang memberi satu "package" yang lengkap dan menyeluruh untuk meningkatkan perusahaan pedaging Negeri Kelantan. Ianya merangkumi bukan sahaja pelaksanaan aktiviti aktiviti pengeluaran pedaging anjuran Jabatan tetapi juga secara lansung membantu untuk meningkatkan pembangunan keatas penternak penternak komersil , ladang swasta dan untuk kemajuan perkembangan industri pedaging secara keseluruhannya.



Penternak bersama ternakan dibawah projek jabatan

Bagi projek projek anjuran Jabatan, pengeluaran daripada penternak penternak kecil yang menjalankan aktiviti untuk saradiri, walaupun akan diteruskan tetapi akan dikurangkan peringkat demi peringkat.

3. OBJEKTIF PROJEK

- 3.1. Menambah bilangan lembu pembiak dan meningkatkan penyertaan penternak didalam aktiviti pengeluaran ternakan untuk dipelihara.
- 3.2. Meningkatkan jumlah ternakan untuk disembelih.
- 3.3. Memasukkan sumber genetik baru kedalam populasi ternakan dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran ternakan tempatan.
- 3.4. Mewujudkan aktiviti tambahan / aktiviti hiliran dan peluang pekerjaan sebagai sumber pendapatan.
- 3.5. Populasi lembu kerbau dalam Negeri Kelantan dapat dipertingkatkan.
- 3.6. Penegluaran daging dapat dipertingkatkan untuk keperluan negeri dan lebih untuk eksport.
- 3.7. Melalui projek ini seramai lebih kurang 3,000 orang penternak akan mendapat manfaat secara lansung.
- 3.8. Projek Ini Juga akan Menambahkan lagi Pendapatan Penternak dan secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negeri.

4. FAEDAH DAN PERIMUSTAHAKNYA PROJEK

Didalam perancangan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) Malaysia akan menumpukan perhatian kepada pengeluaran daging yang halal dan diterima di arena antarabangsa (International Halal Food Hub).

Seiring dengan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan Negeri Kelantan sebagai jelapang pengeluaran makanan bidang pertanian amnya dan ternakan khususnya akan diperkembangkan ketahap yang lebih baik demi menjamin keperluan daging yang mencukupi serta meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat.

Projek integrasi tanaman kekal dengan ternakan di Gua Musang dan Kemahang belum mampu menampung pengeluaran daging lembu. Projek ini hanya dapat mengeluarkan lembu untuk di sembelih sebanyak 700 – 800 ekor setahun.

Hasil dari jualan ternakan yang telah dipulangkan oleh penternak.

Program ini akan mengagihkan ternakan kepada penternak yang di dapati layak mendapat bantuan ternakan daripada kerajaan. Kriteria kriteria mereka yang layak akan digariskan dalam syarat kelayakan jabatan. Ternakan betina yang matang diberikan kepada penternak untuk dipelihara. Penternak diminta menandatangani satu surat perjanjian dengan kerajaan semasa penerimaan ternakan.

Surat perjanjian tersebut mengenakan syarat syarat yang perlu dipatuhi oleh kedua dua pihak. Penternak hendaklah memulangkan seekor anak samaada betina atau jantan yang berumur 1 tahun kepada jabatan dan setelah itu surat perjanjian boleh ditamatkan dan penternak tidak lagi terikat dengan pihak kerajaan. Anak lembu yang di pulangkan akan dijual/lelong oleh kerajaan dan dimasukkan kedalam akaun hasil.

Perlaksanaan projek ini akan mengalami sedikit pengubahsuaian seperti berikut :

- Semua anak betina atau jantan kepunyaan kerajaan akan dilelong oleh kerajaan bagi mendapatkan hasil.
- Pawah semula tidak akan dilaksanakan kecuali dalam kes kes yang tertentu.

Perancangan Strategik Exco Pertanian Dan Industri Desa 2005 - 2015

Bidang Fokus 1: Menjamin Keselamatan Makanan

1.2 Mengurangkan jumlah import bagi semua jenis ternakan

OS	KPI	Sasaran	Inisiatif Strategik	Kuantiti	Ang. Bajet	Masa
1.2	1.2.1 Meningkatkan bil ternakan	Penambahan (Lembu) 5%/setahun	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenalpasti penternak yang dapat meningkatkan lagi pengeluaran di Ladang Integrasi • Menyediakan kajian dan perancangan untuk meningkatkan pendapatan supaya sektor ini menjadi lebih menarik 	73,939 ekor Induk	133.4 juta (swasta & GLC)	2012-2015
		Penambahan (Kambing) 5% setahun	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan perancangan bagi membina Sistem Intensif • Memperkenalkan pada petani untuk menarik minat pada sistem intensif ini. • Menyediakan laporan perkembangan status sistem ini supaya pemantauan dapat dilaksanakan 	44,913 ekor Induk	16.511 juta (swasta & GLC)	2012-2015



PLAN STRATEGI

- × Industri perlu dibina dengan selektif serta mengarah kepada `Zero waste industry`
- × Memperkukuh bidang-bidang serta bahagian yang lemah dan terdedah kepada pesaing seperti mempertingkatkan kualiti produk, kawalan bio-sekuriti, efisiensi pengeluaran, memperbaiki sistem pengeluaran dan lain-lain.
- × Bersaing untuk menjadi peneraju pasaran (*Market Leader*).



PENDEKATAN STRATEGIK 1

MENINGKATKAN POPULASI BAKA UNTUK PENGELUARAN YANG MAMPAN DAN EKONOMIK

PROGRAM	AKTIVITI
Mengukuhkan ladang lembu integrasi	Mengukuh perhubungan agensi perladangan swasta dengan kerajaan
Memperkasakan pemeliharaan lembu kacukan(Breedlot)	Meningkatkan penyertaan penternak dan mengukuhkan perkidmatan pembiakan



PENDEKATAN STRATEGIK 2

MENINGKATKAN KEUPAYAAN DAYA SAING INDUSTRI RUMINAN

PROGRAM	AKTIVITI
Mengukuh operasi abatoir kearah penghasilan produk berkualiti (Keratan terpilih)	Menaik taraf dan memodenkan abatoir sedia ada (GMP,HACCP,VHM)
Membangunkan sistem maklumat dan infrastruktur pemasaran	E-dagang, Rangkaian.net.pasaran
Memperkukuhkan program jaminan kualiti dan keselamatan makanan	Kelantan sebagai Hub-Halal Malaysia




PENDEKATAN STRATEGIK 3

MEMPERKASA PERKHIDMATAN SOKONGAN BERKUALITI

PROGRAM	AKTIVITI
Melatih dan mempertingkatkan kompetensi pegawai dan penternak	Meningkatkan kurikulum dan kualiti kursus yang lebih terfokus kepada kumpulan sasaran
Memperkukuhkan kawalan penyakit	Servellan dan persampelan yang efisien dan berterusan secara berkala
R&D lebih fokus dan berterusan	Meningkatkan kerjasama dengan agensi penyelidikan dalam dan luar negara
Menerapkan dan memupuk minat dalam bidang ternakan bermula diperingkat awal persekolahan	Menerapkan bidang Sains Veterinar sebagai matapelajaran kemahiran hidup

POLISI PEMBANGUNAN RUMINAN 2016-2020



Zon Utara
Kawasan penggempukkan
(intensif)



Zon Selatan
Kawasan pembiakan
(Sistem ekstensif)



PENTERNAKAN RUMINAN SECARA INTEGRASI

KAWASAN YANG BERPOTENSI (2011-2015)

JAJAHAN	KELUASAN(Ha)
Gua Musang	37,417
Kuala Krai	27,159
Tanah Merah	24,885
Jeli	9,498
Machang	-12,935
JUMLAH	86,024



PENTERNAKAN RUMINAN SECARA INTEGRASI

PROJEK INTEGRASI TERNAKAN RUMINAN DENGAN TANAMAN KEKAL” (PINTAR)



Satu sistem memelihara lembu pedaging yang dilakukan didalam perladangan secara saintifik, di mana kelompok ternakan akan meragut dipetak ragutan yang ditentukan dengan kawalan sistem pagar elektrik dengan amalan pusingan ragutan bergilir yang terancang



PROGRAM JIHAD TERNAK -2007

Sebanyak RM 500,000 telah diperuntukkan oleh Jabatan pada Tahun 2007 bagi membantu Kerajaan Negeri memulakan projek penternakan kambing berkonsepkan 'Mentor-Mentee' –

melibatkan pembelian 1,845 ekor kambing Baka Jamnapari untuk 225 orang peserta di seluruh Negeri Kelantan



Golongan sasar :

- Belia menganggur
- Fakir miskin
- Armalah

